

LOGO
SEKOLAH

1249/2

NAMA

TINGKATAN

1249/2
Sejarah
Kertas 2
OGOS
2019
2 ½ jam

SMK xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx
BOTA KANAN, PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

TAHUN 2019

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan daripada **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
4. *Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan*
5. *Kertas soalan hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B***

<i>Untuk kegunaan Pemeriksa</i>		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
	10	
	11	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Disediakan oleh,

.....
Pn.
Guru Sejarah Tingkatan 5

Disemak oleh,

.....
Pn.
Ketua Panitia Sejarah

Disahkan oleh,

.....

BAHAGIAN A
40 Markah]
Jawab semua soalan

1. Tamadun Indus yang muncul di Sungai Indus pada sekitar tahun 2500 SM telah berjaya membina bandar terancang terawal di dunia.

a. Namakan dua bandar utama yang terbentuk di lembah Sungai Indus.

[2 markah]

b. Kepesatan penduduk di bandar (a) menyebabkan pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan.
Nyatakan kegiatan ekonomi tersebut.

[3 markah]

c. Jelaskan fungsi bandar terancang dalam Tamadun Indus

d.

[2 markah]

Sekiranya anda dilantik sebagai Datuk Bandar Ipoh, apakah cadangan anda untuk menjadikan bandar raya Ipoh sebagai Bandar Lestari?

[3 markah]

2. Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani pada tahun 6 Hijrah antara orang Islam Madinah dengan orang Quraisy Makkah.

a. Jelaskan peristiwa yang membawa kepada termeterainya perjanjian tersebut.

[3 markah]

b. Mengapakah Perjanjian Hudaibiyah menjadi perintis ke arah pembukaan semula Kota Makkah?

[3 markah]

c. Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada perjanjian tersebut.

[4 markah]

3. Jadual berikut berkaitan dengan anggota Sistem Ahli.

Nama Ahli	Portfolio
Dato' Onn Ja'afar	Ahli Dalam Negeri
O. A. Spencer	Ahli Ekonomi
Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
Dato' E.E.C. Thuraisingam	Ahli Pelajaran

a. Jelaskan maksud Sistem Ahli.

[2 markah]

b. Mengapakah Sistem Ahli dilaksanakan?

[2 markah]

c. Pelaksanaan Sistem Ahli memberi impak yang besar kepada Tanah Melayu. Jelaskan.

[3markah]

d. Bezakan Sistem Ahli dengan Jemaah Menteri masa kini.

[3markah]

4. Jata Negara merupakan lambang negara yang menjadi simbol identiti rakyat Malaysia.



a. Namakan 2 lambang negara yang lain anda ketahui.

i _____

ii _____

[2 markah]

b. Jelaskan tujuan lambang negara di 1 (a) diwujudkan kepada rakyat Malaysia?

[4 markah]

c. Mengapakah terdapat segelintir rakyat Malaysia yang tidak menghormati lambang negara.

Beri hujah anda

[4 markah]

BAHAGIAN B

[60 Markah]

Arahan : Jawab **tiga (3)** soalan sahaja

5 Gambar berikut menunjukkan kemegahan seni bina Tamadun Rom dan China.



Colosseum



Tembok Besar China

- a. Terangkan fungsi dan keistimewaan senibina tersebut. [4 markah]
- b. Huraikan faktor-faktor yang membolehkan manusia tamadun awal membina senibina yang menakjubkan [8 markah]
- c. Senibina hasil tinggalan sejarah lalu amat unik dan menarik. Bagaimanakah seni bina mampu memberi manfaat kepada kemajuan sesebuah negara. [8 markah]

6. Berikut adalah beberapa pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyah yang terkenal.

Jangka masa (tahun)	1280-1326	1326-1362	1362-1389	1389-1402	1402-1421	1421-1444
Pemerintahan	Uthman Ertughrul	Orhan 1	Murad 1	Bayezid 1	Mehmed 1	Murad 11

- a. Jelaskan latar belakang pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah [4 markah]
- b.

<ul style="list-style-type: none">• Kekuatan tentera• Kewibawaan pemimpin
--

 [8 markah]

Sejauhmanakah faktor tersebut menentukan kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah.

- c. Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan faktor kegemilangan kerajaan Turki Uthmaniyah yang boleh diaplikasikan untuk kegemilangan negara dan bangsa Malaysia.

[8 markah]

7. Selepas kejatuhan tamadun Rom, Eropah mengalami zaman mundurnya yang dikenali sebagai Zaman Gelap.

- a. Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap.

[6 markah]

- b. Terangkan faktor-faktor berlaku Zaman Renaissance


[6 markah]

- c. “Semangat inkuiri atau semangat ingin tahu yang kuat merupakan asas kemajuan sesuatu bangsa”

Berikan hujah anda

[8 markah]

8. Peta berikut menunjukkan wilayah-wilayah imperialis Barat di Asia Tenggara pada tahun 1914.



a. Jelaskan maksud imperialisme.

[4 markah]

b. Maklumat berikut adalah faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.

- Kekayaan bahan mentah
- Sistem pengangkutan dan perhubungan

Sejauhmanakah faktor tersebut mendorong imperialisme Barat ke Asia Tenggara.

[8 markah]

c. Penjajahan Barat telah mengubah sistem politik di negara-negara Asia Tenggara.
Beri penjelasan anda.

[8 markah]

9 Berikut ialah pemimpin-pemimpin yang menggerakkan persatuan-persatuan pada sekitar tahun 1920-an hingga 1930-an di negara kita.



Mohammad Eunos Abdullah
(Kesatuan Melayu Singapura)



Ibrahim Haji Yaakob
(Kesatuan Melayu Muda)

a. Apakah tujuan persatuan-persatuan tersebut ditubuhkan?

[4 markah]

b. Bagaimanakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) berusaha untuk mencapai

matlamat perjuangan?

[8 markah]

- c. Mempertahankan kedaulatan negara adalah tanggungjawab bersama.
Berikan hujah anda.

[8 markah]

10 Rancangan Pembangunan Lima Tahun Tahap Kedua telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru (1971-1990).

- (a) Jelaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

[6 markah]

- (b) Mengapakah Rancangan Pembangunan Lima Tahun tahap kedua memberi tumpuan kepada sektor perindustrian

[6 markah]

- (c) Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya memberi manfaat kepada semua kaum di Malaysia.

[8 markah]

11. Sejak mencapai kemerdekaan, dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut perubahan masa dan perkembangan dunia.

- (a) Jelaskan matlamat dasar luar Malaysia.

[4 markah]

- (b) Terangkan faktor yang menjadi asas penggubalan dasar luar Malaysia.

[8 markah]

- (c) Hubungan baik dengan negara-negara luar dapat membantu meningkatkan kemajuan negara.
Buktikan pernyataan ini.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

